

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2024
N35 BATU UBAN

**PEMERKASAAN PROGRAM PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DIGITAL
UNTUK MENGURANGKAN MASALAH PENGANGGURAN BELIA DI NEGERI
PULAU PINANG**

Demi memajukan generasi muda dan ekonomi negeri maka berdirilah saya di sini. Assalamualaikum dan Salam Malaysia Madani buat Tuan Yang Dipertua, rakan-rakan delegasi kerajaan, rakan-rakan pembangkang dan ahli dewan yang dimuliakan.

Tuan Yang Dipertua Dewan, ucapan saya pada hari ini menggagaskan satu mekanisme, iaitu pemerkasaan keusahawanan digital dalam kalangan belia yang saya kira amat penting untuk diambil perhatian.

Usahawan digital dapat memecah kebuntuan masalah pengangguran belia lepasan graduan yang menjadi isu sejak lebih dua dekad lalu, bahkan semakin meruncing. Masalah pengangguran graduan lebih kritikal apabila kajian mendapati sebahagian besar jumlah itu adalah dalam kalangan kumpulan B40 dan M40 yang bergantung kepada gaji dan upah sebagai sumber pendapatan utama mereka. Justeru, keusahawanan sebagai tulang belakang ekonomi negara menjadi pemangkin perubahan dan perkembangan ekonomi.

Dalam sektor pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melancarkan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Keusahawanan Bersepadu Institusi Pendidikan Tinggi (PTK IPT) 2021-2025 pada Februari 2019. Pelan ini menterjemahkan penambahbaikan strategi pelaksanaan sedia ada, selain menggariskan strategi baharu bagi mencapai hasrat melahirkan lebih ramai usahawan dalam kalangan graduan terutamanya belia. Matlamat utama pelan tindakan itu adalah bagi mentransformasi landskap keusahawanan di IPT, daripada keusahawanan berasaskan keperluan kepada peluang.

Selaras dengan hasrat memperkasakan pendidikan keusahawanan dalam kalangan belia, Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP 2030) melancarkan 3 teras Dasar Perancangan Utama (DPU), iaitu ekonomi berdaya saing, bernilai tinggi dan bertaraf global dengan pertumbuhan ekonomi yang mampan, berdaya saing dan bernilai tinggi. DPU ini menterjemahkan penambahbaikan strategi pelaksanaan sedia ada sebagai persediaan kepada bakal mahasiswa melangkah ke arah keusahawanan digital, seterusnya menarik minat belia untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya. Justeru pemerkasaan ini melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) dapat menggalakkan penglibatan golongan belia yang berpengetahuan dan berkemahiran.

Laporan Kajian Pengesahanan Graduan pada 2023 dikeluarkan KPT melaporkan 10.4 peratus daripada 14,118 graduan, belum bekerja hingga 2022, iaitu membabitkan 1,468 graduan universiti awam (UA), institut pengajian tinggi swasta (295) dan lain-lain IPT (seorang). Data ini membimbangkan kerana ia belum berubah seperti tahun sebelumnya yang mencatat kadar pengangguran pada paras peratusan hampir sama, iaitu 10.8 peratus.

Namun, jumlah itu masih membimbangkan kerana jauh lebih rendah berbanding bilangan keluaran graduan setahun, iaitu dalam lingkungan 300,000 graduan. Masalah pengangguran graduan berpanjangan akan memberi impak negatif kepada kemajuan dan pembangunan negeri dalam usaha mencapai hasrat serta aspirasi RSNPP 2030.

Masalah pengangguran dalam kalangan graduan dapat diatasi dengan menerokai bidang keusahawanan dan memanfaatkan revolusi platform digital. Hal ini peluang dan ruang perniagaan diberikan kepada belia untuk memastikan keusahawanan dapat dilatih. Cara ini dapat membantu belia untuk memahami selok-belok menjalankan perniagaan dan memberi kemahiran kepada mereka sebelum bersedia melangkah ke dunia keusahawanan. Perkara ini menunjukkan perkembangan bidang keusahawanan bergantung kepada kreativiti belia Pulau Pinang bagi mencorakkannya. Hakikat inilah juga yang mendorong mereka menjalankan pelbagai usaha, termasuklah dapat menggalakkan mereka dalam mencebur keusahawanan digital selari perkembangan semasa.

Oleh itu, kerajaan perlu melancarkan pelbagai inisiatif dari masa ke semasa seperti Program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) KPT–Career Advancement Programme khusus untuk graduan. Selain itu, EXCO juga perlu memperluas kerjasama dengan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dalam menawarkan program serta latihan keusahawanan. Dengan pemerkasaan keusahawanan digital ini, diharapkan agar ia dapat mengurangkan masalah pengangguran dan mencapai matlamat dan sasarannya untuk memastikan pembentukan ekosistem keusahawanan belia lepasan graduan lebih menyeluruh, kondusif dan lestari. Agensi pelaksana seperti PERDA dan MARA perlu menjadikannya sebagai garis panduan dalam memformulasikan program pendidikan keusahawanan secara terancang dan mantap untuk membangunkan kecenderungan, minat dan merealisasikan aspirasi kerjaya keusahawanan digital. Pelaksanaan ini dapat dimanfaatkan oleh belia di Pulau Pinang ke arah melaksanakan keusahawanan digital.

Sekian, terima kasih.

Nasuha Ezzahani binti Elias

N35 Batu Uban

Sidang Muda 2024

SIDANG MUDA

PULAU PINANG